

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

RM2.8j untuk 2 organisasi
06 Aug 2011
Harian Metro
Setempat
N/A
Daily
324,097 / 1,981,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
18
265 cm²
Full Color
7,620
22,860



MESRA...Shahrizat (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Zaman Khan (dua dari kiri) dan Yunus (tengah).

Bantu golongan terpinggir

RM2.8j untuk 2 organisasi



www.pemandu.gov.my

>>Oleh Rosyahaida Abdullah
Rosyahaida@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sejumlah RM2.8 juta disalurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada Majlis Aids' Malaysia (MAM) dan Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) semalam, dalam usaha membantu dua organisasi terbabit menambah baik perkhidmatan yang diberikan untuk kumpulan sasaran.

Menteri KPWKM, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata, peruntukan yang disalurkan menerusi program Anjung Damai itu adalah an-

tara inisiatif kementerianya di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah.

Menurut beliau, sebanyak RM2 juta diberi kepada MAM untuk kegunaan 19 rumah perlindungan di bawahnya di seluruh negara manakala baki RM800,000 lagi adalah untuk Pengasih meliputi lapan rumah.

"Wang ini adalah bantuan tambahan kepada rumah perlindungan yang dikendalikan kebanyakan sukarelawan sama ada untuk tujuan naik taraf rumah, pentadbiran atau program yang ingin dilaksanakan.

"Kita sedia maklum dana yang diterima Pengasih semakin berkurangan dan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Justeru, peruntukan ini diharapkan mampu membantu mereka," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Cek Program Anjung Damai di Rumah Pengasih di sini, semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua dan Presiden Pengasih, Datuk Mohd Yunus Pathi; Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan dan penyanyi Jamal Abdillah.

Anjung Damai menyediakan perlindungan kepada golongan terpinggir yang meliputi wanita, kanak-kanak dan juga lelaki dewasa yang disisihkan keluarga dan masyarakat contohnya seperti pesakit HIV, bekas banduan, bekas penagih dadah, remaja nakal dan bekas pekerja seks.

Ketika diminta mengulas mengenai kes keganasan terhadap wanita termasuk kematian Timbalan Pengarah Jabatan Veterinar Perak, Dr Rohani Kassim di Tambun, Perak, semalam, Shahrizat menjelaskan masyarakat perlu sentiasa mempunyai sikap mengambil tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka.

"Nilai kemasyarakatan perlu dipupuk di kalangan jiran tetangga kerana ia akan membantu kita jika perkara buruk berlaku," katanya.